

Headline	Kos haji kekal RM8,910		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	40	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	80 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,846
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,538



## Kos haji kekal RM8,910

**Batu Pahat:** Kos yang perlu dibayar jemaah haji kekal biarpun jumlah subsidi ditanggung Lembaga Tabung Haji (TH) untuk setiap jemaah dijangka meningkat sekitar 10 hingga 20 peratus bagi setiap orang pada musim haji tahun hadapan.

Ketua Pegawai Operasi TH Datuk Adi Azuan Abdul Ghani berkata, peningkatan kos subsidi itu berikutan kenaikan kos sebenar haji bagi tujuan penginapan dan penerbangan setiap tahun.

"Kos sebenar haji yang kini berjumlah RM18,890 seorang mungkin akan mencecah RM20,000 pada masa hadapan dan ia juga akan menyebabkan kos subsidi ditanggung TH akan naik.

"Bagaimanapun, kos yang ditanggung setiap jemaah daripada kos sebenar mengerjakan rukun Islam kelima itu kekal RM8,910," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menziarahi keluarga jemaah haji yang meninggal dunia di Makkah, Allahyarham Harun Juhari, 75, di Taman Suria, Ayer Hitam, di sini, semalam.

Adi Azuan berkata, 18,910 jemaah haji masih berada di tanah suci dan menunggu tarikh penerbangan pulang sebelum penerbangan terakhir pada 15 Oktober ini.

Menurutnya, hingga kini 3,766 jemaah serta 80 petugas haji selamat tiba di tanahair manakala terdapat lebih 400 petugas TH dan Kementerian Kesihatan berada di sana.